

# 'Pelajar IPT pejuang baru'

BH - 1/9/2006.

## Intelek, peribadi mulia benteng pertahanan kemerdekaan daripada penjajahan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**P**ELAJAR institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai generasi pascamerdeka yang bakal mewarisi kepemimpinan negara, harus mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan pelbagai bentuk penjajahan baru.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Zulkefli A Hassan, berkata dalam konteks ini, mereka perlu menjangkakan sebarang kemungkinan yang boleh berlaku dan tidak hanya melihat keadaan nyata.

Justeru, beliau berkata, pelajar IPT memiliki 'critical mass', termasuk fikiran, kelakuan, ilmu pengetahuan, sikap dan peribadi unggul, mampu menjadi benteng pertahanan utama' mengekalkan kesinambungan kemerdekaan Malaysia.

"Pelajar IPT bukan saja merupakan modal insan, tetapi juga modal intelek negara. Mereka menjadi nadi penggerak yang akan menentukan kemajuan negara pada masa depan.

"Namun, ini memerlukan pelajar IPT secara keseluruhan bersungguh-sungguh menimba ilmu pengetahuan serta menghayati nilai murni seperti dituntut agama dan dihasratkan negara, selain menguasai kemahiran generik dari segi pertuturan dan komunikasi.

"Justeru, nasihat saya kepada pelajar IPT ialah memberi perhatian terhadap matlamat murni memasuki universiti. Sekiranya ini dapat dicapai, dihayati dan diamalkan, sudah pasti mereka boleh pergi jauh bukan saja dalam negara tetapi juga pada peringkat global.

"Inilah hala tuju Kementerian Pe-



**SEMANGAT PATRIOTIK:** Zulkefli (tiga dari kiri) bersama tetamu lain mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis sambutan Ambang Kemerdekaan 2006 di Sunway Lagoon, kelmarin.

ngajian Tinggi supaya mereka menjadi kompetitif dan global," katanya kepada *Berita Harian* selepas menghadiri majlis sambutan Ambang Kemerdekaan 2006 anjuran Kolej Universiti Sunway, kelmarin.

Hadir sama Pengarah Urusan Ka-

nan Sunway City Berhad, Datuk Wong Choon Kee. Antara IPT lain turut mengambil bahagian ialah Universiti Teknologi Mara, Taylor's College, Kolej Universiti Help dan Kolej Metropolitan, di samping orang ramai.

Lebih 30,000 tiket masuk diedarkan untuk majlis itu. Pelbagai persembahan diadakan dengan kemuncaknya pada detik 12 tengah malam nyanyian lagu *Negaraku* dan lagu patriotik serta pertunjukan bunga api.

Sambil 'menyifatkan' sambutan berkenaan sebagai cukup memuaskan, Zulkefli berkata, program berkenaan adalah contoh positif IPT bersama kerajaan dan keseluruhan rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.